

Parit tersumbat dipenuhi sampah

Penduduk bimbang jika tidak ditangani segera berisiko jadi tempat pembiakan nyamuk aedes

BANTING - Sistem perparitan di kawasan Taman Kemuning ke Taman Budiman Banting perlu diberi perhatian serius berikutan terdapat beberapa lokasi parit tersumbat dan dipenuhi sampah.

Tinjauan Sinar Harian mendapati, penduduk meluahkan rasa tidak selesa berdepan masalah parit yang tidak diselenggarakan dengan baik.

Adun Morib, Hasnul Baharuddin berkata, beliau sempat membuat tinjauan ke beberapa kawasan sekitar termasuk melihat sendiri saliran air parit yang dilihat tidak sistematik.

Menurutnya, kawasan outlet perparitan berhampiran sekolah dilihat mempunyai masalah bahkan menyebabkan air gagal mengalir dengan lancar.

"Saya nampak di hujung outlet itu terdapat penghalang dan kerja-kerja naik taraf perlu dilakukan segera oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan keadaan ini dibaiki.

"Saya sendiri akan maklumkan perkara ini kerana ia melibatkan ramai penduduk di kawasan sekitar selain outlet itu juga turut mengalir ke Jalan Aman," katanya selepas Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Daerah Kuala Langat di Balai Raya Taman Kemuning, Banting.

Hasnul berkata, lebih menyedihkan apabila penduduk memaklumkan terdapat barangan lusuh atau longgokan pakaian lama di sebuah rumah kosong yang dipercayai



Seorang penduduk menerima cabutan bertuah daripada Hasnul.



Hasnul membuat tinjauan ke salah sebuah rumah yang terdapat longgokan barangan lusuh.

sengaja dilonggokkan.

Katanya, keadaan itu benar-benar memberi kesan kepada jiran tetangga sekali gus bimbang ia boleh menyebabkan takungan air pada barangan yang berisiko menakung air.

"Kita tak nak lah masalah ini menyebabkan pembiakan nyamuk aedes berlaku dan sedikit sebanyak mengganggu penduduk. Saya difahamkan pengerusi taman sudah pun berusaha cari penghuni rumah terbabit namun gagal," katanya yang turut memaklumkan pembentangan bajet Negeri Selangor nanti terdapat pelbagai perkara menjaga kepentingan rakyat.

Harap pemilik rumah tampil

Pengerusi Taman Kemuning, Suratman Sarif berkata, tidak dinafikan kawasan perumahan tersebut merupakan kawasan perumahan tumpuan di mana sering men-



NURBAITY

dapat kunjungan individu untuk mencari rumah sewa.

Namun katanya, keadaan rumah kosong yang tidak bersih itu sedikit sebanyak memberi kesan kepada penduduk di sini.

"Kita dah cuba cari pemilik-pemilik rumah yang berisiko ini tapi gagal dan aduan pun kita dah buat, cuma berharap isu barangan yang dilonggokkan termasuk pakaian dan kasut itu tidak menyebabkan air bertakung. Kita tak nak lagi ada pertambahan kes denggi berlaku disebabkan masalah seperti



WAN NOR AZLITA

ini," katanya.

Bimbang haiwan berbisa

Seorang suri rumah, Nurbaiti Baharom, 26, dia yang baru dua tahun tinggal di situ bimbang jika terdapat ular dalam semak di perparitan tidak jauh dari rumahnya.



DR PREMA

Katanya, sudahlah parit tersumbat sistem perparitan pun nampak tidak sempurna.

"Bila senja saja risau jugalah nyamuk. Paling terkejut bila tak nampak dah budak-budak sekolah singgah memancing. Dulu masa parit tu ok, ada

juga nampak budak sekolah memancing, ni tak nampak apa dah cuma semak samun saja," katanya.

Jirannya, Wan Nor Azlita Wan Mohd Subi, 32, berkata, dia yang sudah sembilan tahun tinggal di Taman Budiman turut menggesa pihak bertanggungjawab menyelenggara semak di dalam parit.

"Ini tak, selain semak... sampah pula dibuang di dalam parit, memanglah kadangkala orang awam juga yang buang tapi kalau perparitan itu sempurna sudah pasti masyarakat pun faham," katanya.

Pasukan Combi perlu terus aktif

Sementara itu, Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Prema Rajendra berkata, beliau turut bersetuju supaya masyarakat di dua kawasan berkenaan meningkatkan kesedaran menjaga kawasan rumah mereka.

Katanya, dalam Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Daerah Kuala Langat itu melibatkan pelbagai pihak termasuk PKD Kuala Langat, Combi, MDKL, JKR dan sebagainya dalam usaha melihat kesinambungan penjagaan alam sekitar dipelihara.

"Namun saya bimbang jika penduduk sendiri tidak aktif menjaga persekitaran rumah, lebih ramai lagi mangsa berisiko menghidap denggi. Bagi saya, bila dah ada program macam ni penduduk perlu terus aktif dan ambil tahu mengenai kes denggi di kawasan mereka," katanya.



Antara longgokan barangan terpakai dibiarkan di kawasan salah sebuah rumah kosong.